

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 1/1984**

=====

**BIDANG TUGAS DAN KEAHLIAN JAWATANKUASA  
TANAH DAERAH**

-----

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 27 Mac 1984 telah meluluskan Bidang Tugas Jawatankuasa Tanah Daerah dan juga Keahlian Jawatankuasa Tanah Daerah seperti yang dinyatakan di bawah ini.

2. BIDANG TUGAS JAWATANKUASA TANAH DAERAH

2.1 Permohonan Tanah Yang Bertindih (Seksyen 76 KTN)

Memperakukan samada untuk melulus atau menolak permohonan permohonan bertindih mengenai pemberimilikan tanah yang di proses oleh Pemungut Hasil Tanah (PHT) kecuali permohonan tanah bagi projek usahasama dan permohonan lombong.

2.2 Lesen Menduduki Sementara (T.O.L) (Borang 4A)(Seksyen 65 KTN)

Memperakukan samada untuk melulus atau menolak permohonan-permohonan Lesen Menduduki Sementara diatas tanah Kerajaan, tanah rezab dan tanah lombong bagi maksud:-

- i) Pertanian yang keluasannya tidak lebih daripada 10 ekar;
- ii) Memelihara ikan, kerang dan binatang ternakan bagi keluasan tidak lebih daripada 10 ekar;
- iii) Rumah kediaman di kawasan desa.

2.3 Permit Mengeluar dan Memindah Bahan Batu (Borang 4C) Seksyen 70 KTN

Memperakukan samada untuk melulus atau menolak permohonan-permohonan permit mengeluarkan dan memindah bahan batu daripada tanah Kerajaan dan tanah rezab untuk keputusan Pemungut Hasil Tanah.

2.4 Pemilihan Peserta Dalam Rancangan Tanah

Memperakukan pemilihan peserta-peserta di dalam rancangan-rancangan tanah untuk pertanian, perumahan dan perusahaan.

2.5 Pemilihan Penghuni Rancangan Perumahan Kerajaan

Memperakukan pemilihan penghuni-penghuni di dalam sesuatu rancangan perumahan Kerajaan atau rumah-rumah yang diserahkan kepada Kerajaan oleh pemaju-pemaju usahasama.

2.6 Pemilihan Pembeli-pembeli Dalam Projek-Projek Swasta dan Usahasama

Memperakukan pemilihan pembeli-pembeli untuk bangunan-bangunan rumah kediaman, kedai dan industri dalam projek-projek swasta dan usahasama menurut syarat-syarat yang dikenakan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

3. KEAHLIAN JAWATANKUASA TANAH DAERAH

- 3.1 i) ( a ) Pegawai Daerah sebagai Pengerusi;  
( b ) Ketua Penolong Pegawai Daerah sebagai Pengerusi Gantian
- ii) Semua Ahli Dewan Undangan Negeri dari Barisan Nasional;
- iii) Wakil YAB Menteri Besar yang dilantik.

4. Dengar adanya arahan baru yang mana telah disenaraikan semula bidang tugas jawatankuasa tanah daerah ini, maka diharap dapatlah melicinkan lagi pentadbiran tanah dan juga dapat mengelakkan daripada timbulnya kekeliruan di Pejabat Tanah Negeri ini.

5. Pekeliling-pekeling PTG.Sel. 8/1974 dan Bil. 3/1975 dengan ini dibatalkan.

T.T

**(MOHD HELMI BIN MD HUSSAIN)**  
B.P PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
SELANGOR

BERTARIKH : 18HB MEI 1984

**\* PERENGGAN 3 DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.2/1991**